

**PENGHASILAN PRODUK :
BUKU KERJA TEORI MUZIK TINGKATAN 1**

NOR HAPIPAH BINTI HJ.MD.SHAH

M20082000276

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2011

PENGAKUAN

Saya mengaku kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

Tarikh :

NOR HAPIPAH BINTI HJ.MD.SHAH

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotation and summaries which have been duly acknowledged.

Date :

NOR HAPIPAH BINTI HJ.MD.SHAH

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Pertama sekali, saya memanjatkan syukur kepada Tuhan kerana telah mengurniakan kesihatan dan kekuatan sehingga saya dapat menyiapkan kertas projek ini dengan sewajarnya bagi memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Muzik.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof.Madya Zaharul Lailiddin bin Hj. Saidon yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat, bantuan dan juga bahan-bahan kepada saya dalam usaha menyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat pensyarah dan kakitangan UPSI yang secara langsung dan tidak langsung telah mencurahkan ilmu dan bantuan mereka sepanjang tempoh pembelajaran saya di UPSI.

Terima kasih dan penghargaan juga kepada En. Khairul dan En.Hairi selaku pereka grafik dalam penghasilan produk buku kerja teori muzik tingkatan 1 ini yang begitu banyak membantu dalam menyiapkan projek ini sehingga titik nota terakhir.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini. Akhir sekali tidak dilupakan titipan penghargaan dan terima kasih buat ayahanda, bonda dan ahli keluarga yang banyak memberi perangsang dan galakan sepanjang tempoh pengajian. Sesungguhnya hanya Allah (S.W.T) jua yang dapat membalas jasa kalian. Di harap segala usaha yang dilakukan ini mendapat keberkatan dan keredhaan Allah (S.W.T).

ABSTRAK

Laporan projek pembangunan “ Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1 ” ini disediakan untuk memenuhi keperluan kursus SPM 6006 dalam Program Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Penghasilan produk ini adalah bertujuan untuk memberi bantuan sumber pengajaran dan pembelajaran kepada guru – guru yang sedang melaksanakan Kurikulum Pendidikan Muzik KBSM. Penghasilan produk ini juga disediakan untuk membantu guru dalam memantapkan pengetahuan pelajar untuk memahami konsep muzik dan elemen-elemen teori muzik dengan lebih terperinci dengan kepelbagaian latihan peneguhan yang disediakan. Penghasilan produk ini dapat membantu pembelajaran pelajar agar dapat dijalankan tanpa kehadiran guru. Untuk tujuan penilaian produk yang dihasilkan, soal selidik dijalankan untuk melihat keberkesanan produk ini yang dijalankan dengan 3 orang pendidik muzik yang mempunyai latarbelakang kerja yang menjurus kepada Kurikulum Pendidikan Muzik(KBSM). Dapatan daripada soal selidik itu menunjukkan bahawa semua responden bersetuju dengan semua aspek dalam produk yang dibangunkan. Namun begitu masih memerlukan penambahbaikan dari aspek pengayaan bahasa. Dan cadangan serta penambahbaikan untuk mengatasi kelemahan tersebut turut dibincangkan dalam bahagian akhir penulisan ini.

ABSTRACT

The project report “Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1” has been prepared to fulfil the necessary needs for SPM 6006 course in Diploma in Music course University Pendidikan Sultan Idris (UPSI). This product has been developed to be used as learning tools for teaching music curriculum (KBSM). It has been prepared to assist teachers in building in depth knowledge for students to understand the concept and elements in music theory with proper exercise. This product will help students to study music without teachers present. For the purpose of product valuation, the author has chosen three music teachers with specific background in Music Teaching Curriculum (KBSM) to evaluate the product. The research has shown that all respondent have agreed with all aspect of the product development. Nevertheless this product can be further enhanced in the aspect of language presentation. All suggestion in terms of product enhancement will be discuss at the final part of this article.



KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Pengakuan	i
Declaration	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Projek	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Projek	6
1.5	Kepentingan Projek	7
1.6	Batasan Projek	8
1.7	Definisi Istilah	8
1.7.1	Konsep Muzik	8
1.7.2	Bahasa Muzik	9
1.7.3	Pengajaran	9
1.7.4	Pembelajaran	10
1.8	Rumusan	11

MUKA SURAT**BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Mendapatkan dan Mengumpulkan Maklumat ataupun data Berkaitan Buku Kerja Teori Muzik	14
2.2.1	Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik (KBSM)	14
2.2.2	Buku – Buku Teori Muzik	14
2.2.3	Buku – buku Kerja Teori Muzik	15
2.2.4	Contoh Soalan Pendidikan Muzik (KBSM)	15
2.3	Mengklafikasikan Maklumat ataupun Data Yang Diperolehi Mengikut Tema dan Kategori	15
2.4	Menetapkan Topik Berdasarkan Tema atau kategori	16
2.5	Menulis Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan Topik Yang Telah Ditetapkan	17
2.6	Menyunting Manuskrip dan Data Mengikut Kategori atau Kandungan Topik Yang Telah Ditetapkan	18
2.7	Kerangka Kerja Penghasilan Projek	19
2.8	Rumusan	20

BAB 3 HURAIAN PRODUK

3.1	Pengenalan	21
3.2	Bentuk dan Objektif Produk Yang Dibangunkan	21
3.3	Isi Kandungan Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1	23
3.4	Rumusan	39

MUKA SURAT

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN PRODUK

4.1	Pengenalan	40
4.2	Latar Belakang Responden	41
4.3	Analisis Dapatan Soal Selidik	42
4.3.1	Pengalaman Sebagai Guru Muzik Penglibatannya Dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Muzik (KBSM)	43
4.3.2	Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1 Boleh Digunakan Secara Pembelajaran Kendiri	43
4.3.3	Tanggapan Awal Responden ke Atas Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1	44
4.3.4	Kesesuaian Susunan Topik – topik Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1	45
4.3.5	Penerangan Yang Lengkap dan disusuli dengan gambarajah Bahan Pengajaran Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1	46
4.4	Kesesuaian Buku Kerja Teori Muzik di Sekolah Menengah	47
4.5	Rumusan	48

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	49
5.2	Ringkasan Produk	50
5.3	Fungsi – Fungsi Produk	54
5.4	Sasaran Pengguna	55
5.5	Perbincangan Kekuatan dan Kelemahan Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1	55

MUKA SURAT

5.5.1	Kekuatan Produk Yang Dibangunkan	56
5.5.2	Kelemahan Produk Yang Dibangunkan	57
5.6	Cadangan – Cadangan	58
5.7	Rumusan	59
RUJUKAN		60
LAMPIRAN		62

SENARAI JADUAL

Rajah		Halaman
Rajah 2.7.1	Kerangka Kerja Produk	19
Rajah 3.1	Isi Kandungan Produk	24
Rajah 4.1	Latar Belakang Responden	42
Rajah 5.1	Susunan Topik Produk	50

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
Rajah 3.2	Contoh lampiran topik dan objektif pembelajaran	29
Rajah 3.3	Contoh lampiran pengenalan dan latihan peneguhan	29
Rajah 3.4	Contoh lampiran not di baluk klef trebal	30
Rajah 3.5	Contoh keratan latihan peneguhan not di baluk	31
Rajah 3.6	Contoh pengenalan tanda rehat dan latihan peneguhan	31
Rajah 3.7	Contoh pengenalan tanda masa dan garis bar	32
Rajah 3.8	Contoh pengenalan melodi dan latihan peneguhan	33
Rajah 3.9	Contoh latihan peneguhan ton dan semiton	34
Rajah 3.10	Contoh skel,penulisan skel natural,skel major dan tanda nada	35
Rajah 3.11	Contoh pengenalan jeda dan latihan peneguhan jeda	36
Rajah 3.12	Contoh pengenalan triad tonik dan pergerakan kord	37
Rajah 3.13	Contoh dinamik,tempo dan tanda isyarat muzik	38

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Modul pendidikan muzik di Malaysia sememangnya telah dirangka berfokuskan kepada bahasa muzik, teori muzik, sejarah muzik tempatan dan barat. Ini adalah berpusat kepada kepentingan yang sama iaitu pengaplikasian pendidikan muzik yang universal seiring dengan pembelajaran muzik agar dapat diterima diseluruh pelusuk dunia.

Semuanya bertitik tolak dari pendidikan muzik menjadi salah satu matapelajaran wajib didalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan rentetan dari itu sumbangan pendidikan muzik di peringkat sekolah dapat dilihat pada tahun 1996 pula apabila penghargaan terhadap pendidikan muzik yang mana direalisasikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pembentukan 20 sekolah yang dipilih dari seluruh negara

sebagai sekolah rintis muzik, yang mana pendidikan muzik dijadikan sebagai matapelajaran elektif di sekolah selain dari pendidikan seni.

Walaupun bagaimanapun, apa yang berlaku kini adalah kekurangan bahan sumber seperti buku rujukan dan buku kerja muzik berpandukan sukatan pelajaran amatlah membimbangkan. Namun tidak dinafikan terdapat juga usaha pihak – pihak tertentu untuk menghasilkan buku sumber muzik contohnya apa yang diusahakan oleh saudara Mastor Hj. Jarkaseh dan Mohd. Azam Sulong. Usaha ini perlu kita contohi kerana usaha tersebut bukan sahaja dapat membantu kita sebagai pendidik muzik mendapatkan bahan sumber malahan membuka mata pendidik muzik agar lebih sistematik dan mempunyai panduan dalam mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran muzik di sekolah.

Berdasarkan pengalaman yang dihadapi oleh saya sendiri sebagai pendidik muzik di sekolah menengah, kekangan dari kekurangan bahan-bahan sumber seperti buku kerja teori muzik yang berpandukan Sukatan Pelajaran (KBSM) telah mendorong saya untuk menghasilkan “Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1” ini sebagai percubaan awal untuk pemantapan dan penyelesaian permasalahan pemahaman pelajar dalam pendidikan teori muzik.

1.2 Latar Belakang Projek

Projek membina “ Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1 ” secara tidak langsung akan dapat memudahkan para pendidik untuk melaksanakan pembelajaran yang lebih sistematik dan teratur. Di samping itu dapat menarik perhatian pelajar dengan kepelbagaian teknik atau formula untuk memantapkan pengetahuan teori muzik secara lebih ringkas dan mudah. Ini penting untuk mempertingkatkan dan pencapaian matlamat Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Sekolah Menengah (KBSM) dalam pengetahuan muzikal yang merangkumi penguasaan pengetahuan konsep muzik dalam bahasa dan teori muzik.

Pengajaran dan pembelajaran teori muzik di sekolah boleh dibentuk dan dirangka dengan mengambil sumber – sumber dan bahan – bahan dari buku – buku teori muzik barat dan disesuaikan dengan teknik, formula dan bahasa secara ilmiah yang boleh diguna pakai di peringkat sekolah. Pembinaan “ Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1 ” akan dapat memantapkan pengetahuan dan menarik minat pelajar dengan penyediaan nota yang ringkas, formula yang mudah difahami dan disertakan dengan latihan peneguhan agar dapat mengukur kefahaman pelajar terhadap topik – topik yang diajar.

Atas kepentingan dan keperihatinan ini pembinaan produk ini akan dapat memberi sumbangan yang penting kepada pendidikan muzik dalam peningkatan pengetahuan muzik secara asasnya dan dapat menarik pelajar untuk lebih memahami teori muzik dengan lebih mudah. Pengetahuan asas muzik ini akan dapat mencetus keinginan pelajar untuk lebih mempelajari teori muzik ke peringkat yang lebih tinggi.

1.3 Pernyataan Masalah

Berpandukan objektif Sukatan Pelajaran Bersepadu Sekolah Menengah bagi Pendidikan Muzik merangkumi empat aspek iaitu persepsi estetik, pengetahuan muzikal, ekspresi kreatif dan penghargaan estetik. Dan diantara semua aspek itu pengetahuan muzikal menjurus kepada memahami bahasa muzik atau konsep muzik secara teorinya amat penting, ini menjadi garis panduan kepada pelajar memahami apa yang mereka mainkan secara ilmiahnya. Sememangnya tidak dapat dinafikan begitu banyak pembangunan produk yang berlandaskan pengetahuan konsep muzik dan teori muzik dipasaran namun yang menjadi masalahnya adalah produk-produk itu terlalu banyak dan tidak mengikut sukatan pelajaran pendidikan muzik di sekolah dan yang menjadi masalah yang amat besarnya adalah masalah bahasa yang digunakan iaitu bahasa inggeris sedangkan di sekolah penggunaan bahasa melayu menjadi medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran muzik.

Mengetahui dan memahami bahasa bukan setakat menguasai sesuatu bahasa tetapi seperti kita memiliki kasih sayang walaupun tidak dapat dilihat namun dapat dirasakan kewujudannya. Melalui bahasa kita dapat berkomunikasi, meluahkan perasaan, menyampaikan ilmu dan mengakumulasikannya, mengungkapkan keindahan melalui pelbagai wacana dan mewariskan ilmu, budaya, peradaban dan agama. Jika bahasa dijadikan fokus kajian maka kita akan menemukan hakikat kemanusiaan dan dapat menyumbang ke arah kebahagiaan sejagat.

Terdapat kekangan yang amat besar yang perlu di hadapi oleh pendidik-pendidik muzik di sekolah yang mana kekurangan bahan pengajaran dan masalah itu di tambah pula dengan pengantara bahasa yang sememangnya amat besar sumbangannya terhadap kefahaman dan penerimaan pelajar di sekolah. Oleh itu pembentukan dan penghasilan produk

ini iaitu buku kerja teori muzik tingkatan satu ini menjadi pembuka jalan agar permasalahan kekurangan buku kerja pendidikan muzik berbahasa melayu mengikut sukatan pelajaran dapat dilaksanakan dan diharap dapat meningkatkan kefahaman pelajar disamping memudahkan para pendidik untuk mempelbagaikan cara pengajaran dan pembelajaran muzik di peringkat menengah rendah amnya.

Pendidikan Muzik di negara kita secara formalnya mengikut modul pembelajaran dari barat, ini dapat dilihat penekanan kepada pengetahuan teori muzik atau konsep muzik. Ini adalah kerana tuntutan dari keperluan pendidikan muzik itu sendiri yang mana pengetahuan yang dipelajari dapat diguna pakai disegenap pelusuk dunia kerana asas muzik yang sama.

Objektif Kurikulum Pendidikan Muzik yang menjadikan pengetahuan dan penguasaan teori dan konsep muzik sesuatu yang amat penting serta penguasaan dan kefahaman pelajar adalah amat diperlukan. Namun yang demikian, permasalahan utama yang sering di hadapi oleh guru-guru muzik di sekolah adalah kekurangan bahan rujukan dan bahan-bahan latihan teori muzik serta kemahiran dan pengetahuan yang kurang menyebabkan kekangan terbesar yang perlu dihadapi oleh guru-guru di peringkat sekolah.

Oleh yang demikian, pembentukan dan penghasilan buku kerja teori muzik ini di harap dapat memenuhi keperluan, membantu guru-guru dalam memantapkan modul pengajaran dan pembelajaran pendidikan teori muzik di sekolah.

1.4 Tujuan Projek

Pembinaan Produk “ Buku Kerja Teori Muzik Tingkatan 1” ini adalah berdasarkan beberapa objektif dan diantara objektif adalah seperti berikut :

- i. Menyediakan satu buku kerja teori muzik dalam bahasa melayu dan mengikut Sukatan Pelajaran Matapelajaran Pendidikan Muzik (KBSM)
- ii. Menyediakan satu buku kerja teori muzik yang boleh dipelajari dengan cara pembelajaran sendiri
- iii. Menyediakan sebuah buku kerja teori muzik untuk kegunaan guru-guru muzik dan pelajar-pelajar muzik sebagai satu modul peneguhan pelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan muzik
- iv. Menyediakan modul latihan pembelajaran teori muzik kepada pelajar
- v. Menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) untuk guru sebagai bantuan latihan sokongan untuk memantapkan pengetahuan pelajar di dalam kelas
- vi. Meninjau tindak-balas dan bertindak sebagai pengukur kefahaman dan kelemahan pelajar terhadap pengajaran guru.

1.5 Kepentingan Projek

Hasil produk ini diharap dapat :

- i. Membantu guru-guru, pelajar-pelajar IPTA/IPTS, pelajar-pelajar IPGM dan pelajar-pelajar sekolah menengah meningkatkan kefahaman dan mengenalpasti kelemahan dalam peneguhan pembelajaran teori muzik.
- ii. Membantu dan menjadi bahan pengajaran / latihan kepada sekolah – sekolah yang sedang melaksanakan program Kurikulum Pendidikan Muzik (KBSM).
- iii. Membolehkan guru – guru muzik mempelbagaikan cara pengajaran dan pembelajaran teori muzik dengan berpusatkan kepada pengetahuan dan kefahaman pelajar.
- iv. Menyumbang kepada penambahan bahan pengajaran dan pembelajaran pendidikan teori muzik.

1.6 Batasan Projek

Projek ini dibataskan oleh beberapa aspek utama iaitu pengumpulan idea latihan topik-topik pembelajaran pendidikan muzik dan pengumpulan, pemilihan sumber pembelajaran dan pengajaran teori muzik yang mengikuti sepenuhnya Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik (KBSM), yang lebih menumpukan kepada elemen konsep dan bahasa muzik dan pemilihan visual dan grafik yang bersesuaian dengan topik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dalam pendidikan muzik. Projek ini dibina melalui adunan teks, visual dan grafik.

Dalam merangsang kefahaman pelajar untuk latihan yang diberikan berdasarkan nota yang disediakan didalam buku kerja teori ini semua latihan yang terkandung di dalam buku kerja ini menggunakan Perisian Sibilus, Adobe Photoshop dan Microsoft Word.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Konsep Muzik

Dalam penghasilan produk ini, Konsep Muzik merangkumi aspek Irama, Melodi, Harmoni, dan Ekspresi. Aktiviti latihan buku kerja teori muzik ini akan menerangkan maksud konsep muzik yang ada di dalam pengetahuan asas pendidikan teori muzik, kemudian disusuli dengan peneguhan latihan setiap satunya mengikut keperluan Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik (KBSM).

1.7.2 Bahasa Muzik

Bahasa Muzik adalah merupakan penggunaan terminologi muzik yang digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran pendidikan muzik dipelbagai peringkat pendidikan mengikut Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik (KBSM). Walaubagaimanapun di dalam buku kerja ini akan diterangkan penggunaan terminologi bahasa inggeris untuk mengelakkan kekeliruan pelajar dengan apabila berhadapan dengan terminologi yang dipelajari berlainan dari yang dipelajari di sekolah dengan terminologi yang digunakan diluar sekolah,walaupun ianya mempunyai dan membawa maksud yang sama.

1.7.3 Pengajaran

Dalam konteks penghasilan produk ini, pengajaran membawa maksud peringkat pengajaran yang digunakan oleh guru ataupun strategi yang digunakan oleh guru dalam memberi pengetahuan dan penerangan kepada pelajar agar dapat diterima oleh pelajar dengan mudah dan berkesan.

“ to teach a child an instrument without first giving him preparatory training and without singing, reading and dictating to the highest level along with the playing is to build upon sand.”(Kodaly, 1964)

1.7.4 Pembelajaran

Dalam konteks penghasilan produk ini, pembelajaran akan berlaku apabila guru memberi penerangan mengenai pengetahuan yang diperlukan oleh pelajar dan pelajar – pelajar akan mendapat pengalaman dan pengetahuan dari penerangan dan peneguhan latihan yang guru berikan melalui aktiviti latihan yang diberikan menggunakan buku kerja teori muzik yang digunakan.

Pembelajaran adalah satu proses bagaimana pembelajaran akan berlaku apabila adanya tindakbalas dari dua pihak iaitu melalui pemberian ilmu pengetahuan dan penerimaan satu lagi pihak dan mengaplikasikannya dengan penekanan peneguhan latihan yang diberikan.

“ after an hour children are still listlessly exploring,bored to tears by an activity that neither skill achievement nor aesthetic content....The teacher does know the transformation spell selection,relation and intention, and so is not able change the drab Cinderella of sound materials into a beautiful Princess, a musical experience.”(Music Teacher, March 1974:13-Swanwick’s four article ‘Class Music in the Secondary School’)

1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab pengenalan ini menghuraikan latarbelakang produk, pernyataan masalah, tujuan penghasilan produk, batasan produk dan definisi operasi produk. Penghasilan produk ini akan dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan bahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran teori muzik.

Dengan terhasilnya buku kerja teori muzik ini diharap dapat membantu semua individu terutama pelajar – pelajar dan guru – guru muzik untuk meningkatkan pengetahuan dan penguasaan teori muzik dengan lebih baik. Diharapkan juga agar buku kerja teori muzik ini akan dapat dijadikan panduan dan memberi sumbangan kepada pendidik muzik walau di mana – mana peringkat pendidikan muzik ini dilaksanakan.